

Flood Wall atasi banjir kilat di KL

(19 SEPTEMBER 2022) Sinar, p10

Flood wall dirancang oleh DBKL mampu menghalang limpahan arus deras sekali gus berfungsi untuk menyekat air (banjir) daripada keluar ke kawasan yang rendah.

KUALA LUMPUR

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam proses mendapatkan reka bentuk yang sesuai bagi membina flood wall atau tembok tebatan banjir di lokasi

hotspot banjir kilat yang telah dikenal pasti di ibu negara.

Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Seri Mahadi Che Ngah berkata pembinaan flood wall itu bertujuan menggantikan penggunaan guni-guni pasir yang bertindak sebagai langkah sementara bagi menangani masalah banjir kilat di ibu kota.

"Flood wall itu perlu direka dengan betul dan teliti supaya dapat menghalang limpahan arus deras ketika hujan lebat sekali gus berfungsi untuk menyekat air (banjir) daripada keluar ke kawasan yang rendah.

"Namun, kita sudah pun melantik kontraktor yang berwibawa untuk membinaanya selepas rekam itu siap tidak lama lagi," katanya kepada pemberita selepas melancarkan aplikasi Kuala Lumpur Sport, Event and Facilities (KLSPEF) di Dataran DBKL, pada Ahad.

Pada masa sama, Mahadi



Mahadi (tengah) ketika melancarkan aplikasi Kuala Lumpur Sport, Event and Facilities (KLSPEF) pada Ahad.

berkata, pihaknya dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta agensi terlibat dengan pengurusan mitigasi banjir akan mengadakan perbincangan lanjut sebagai persediaan menghadapi musim hujan.

"Kita akan bermesyuarat minggu ini bagi membincangkan

lebih terperinci langkah-langkah lain yang sesuai untuk diambil berdasarkan data-data terkini daripada JPS sebagai usaha menangani jumlah taburan hujan yang tinggi pada akhir tahun," katanya.

Sementara itu, Mahadi dalam ucapannya berkata, aplikasi

KLSPEF membolehkan warga kota membuat semua urusan tempahan dan pembayaran bagi 63 dewan serba guna dan kompleks sukan di bawah seliaan DBKL secara dalam talian pada masa yang singkat.

Beliau berkata, DBKL peka terhadap keperluan warga kota dan sentiasa berusaha menyediakan kelengkapan infrastruktur dan kemudahan awam yang mencukupi buat mereka.

"Kini warga kota boleh membuat tempahan hanya di hujung jari menerusi aplikasi KLSPEF.

"Saya percaya aplikasi ini dapat memberi kemudahan kepada penduduk sekali gus membantu memenuhi objektif DBKL menjadikan Kuala Lumpur sebuah bandar raya pintar menjelang 2025," katanya.

Aplikasi mudah alih itu dibangunkan dan disokong dalam dua versi OS telefon pintar iaitu Android dan iOS. - Bernama